

**UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI
KETIKA MERASMIKAN PEMBUKAAN
KONGRES CUEPECS YANG KE-9
DI DEWAN TOH PUAN RAHAH, KUALA LUMPUR
PADA 24 NOVEMBER 1967**

Saya sukacita kerana telah diberi penghormatan untuk merasmikan pembukaan Persidangan Cuepacs yang ke-9 pada hari ini. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Jawatankuasa CUEPACS kerana sudi menjemput saya dan di atas penghormatan yang tinggi ini.

Adalah menjadi dasar Menteri-menteri Kerajaan Perikatan dan saya sendiri dari satu masa ke satu masa yang penting untuk bertemu ramah dengan pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja dan khasnya dengan pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja di dalam perkhidmatan awam. Adalah menjadi kepercayaan saya yang hanya melalui '*personal contact*' dan bertukar-tukar fikiran di antara Menteri-menteri Kerajaan dengan pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja sahajalah persahabatan, kerjasama, saling mengerti, saling hormat menghormati antara satu sama lain boleh wujud dan diperkukuhkan lagi.

Dalam masa 9 tahun yang lepas, Cuepacs telah mencapai beberapa kemajuan dan kejayaan bagi ahli-ahlinya. Kemajuan dan kejayaan itu adalah hasil dari semangat yang kuat pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli Cuepacs sendiri dan juga kerana adanya perhubungan dan kerjasama yang baik antara Kesatuan-Kesatuan Sekerja dalam perkhidmatan awam dengan pihak Kerajaan. Saya berharap perhubungan dan kerjasama ini akan kekal selama-lamanya bahkan akan diperkuatkan lagi dari satu masa ke satu masa bagi faedah, kebaikan dan kebajikan bersama.

Perhubungan yang erat di antara pemerintah dengan mereka yang diperintah dan pegawai-pegawai kerajaan yang menjalankan dasar-dasar kerajaan sangatlah penting. Kerana adanya perhubungan yang erat inilah maka semenjak kita mencapai kemerdekaan 10 tahun dahulu negara kita telah mendapat berbagai kemajuan yang cemerlang dan dapat menggalakkan semangat dan kesedaran Malaysia di kalangan rakyat yang berbilang bangsa.

Sesungguhnya dengan tidak takbur, kita telah mencapai berbagai-bagai kemajuan dan kejayaan yang jarang-jarang sekali boleh didewa-dewa atau dibanggakan oleh negara-negara yang berbilang bangsa seperti kita ini atau negara-negara lain yang sedang muncul dan membangun dalam dunia ini. Tugas kita yang penting sekali sekarang ialah untuk menjadikan dekad yang kita sedang lalui ini "*the decade for the integration of a multi-racial people into a strong and united Malaysian nation*" atau "zaman penyatuan berbagai-bagai bangsa menjadi satu rupa bangsa Malaysia yang kuat". Sebenarnya proses mengujudkan satu rupa

bangsa dari berbagai bangsa ini telah berjalan semenjak pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan kita 10 tahun dulu dan hasilnya sangatlah memuaskan. Tetapi usaha ini mestilah dilipat gandakan lagi di luar medan persekolahan.

Perasaan Malaysia di kalangan rakyat Malaysia yang dewasa sudah pun lahir dan sedang hidup subur. Tetapi gerakan ini, saya harap, akan berjalan dengan lebih pesat lagi melalui usaha-usaha yang tertentu, seperti Gerakan Rakyat Setia dan lain-lain lagi. Saya suka menganjurkan kepada Cuepacs supaya mengadakan programnya yang tersendiri bagi mewujudkan perasaan Malaysia, perasaan taat setia kepada negara ini di kalangan rakyat dan membantu Kerajaan mewujudkan satu rupa bangsa. Seorang pun tidak boleh menafikan, saya sendiri tidak menafikan yang perasaan Malaysia, taat setia ini sudah pun ada sudah wujud. Tetapi seorang pun tidak boleh menafikan juga yang "perasaan Malaysia" ini belumlah begitu memuaskan lagi di kalangan segolongan kecil orang-orang dewasa negara ini.

Satu-satunya cara yang paling baik bagi mencapai maksud ini ialah bagi tuan-tuan dan puan-puan menggalakkan penggunaan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa perpaduan untuk menguatkan lagi perasaan sefahaman dan saling mengerti di antara penduduk-penduduk negara kita daripada berbagai keturunan itu. Saya tertarik hati dengan ingatan dan usaha Cuepacs dan ahli-ahlinya dalam perkhidmatan awam tentang penggunaan Bahasa Kebangsaan kita.

Kejayaan yang Malaysia telah capai setakat ini adalah disebabkan oleh pengorbanan yang tidak putus-putus dan taat setia yang tidak berbelah bagi anggota-anggota perkhidmatan awam dan juga kerjasama yang diberikan oleh rakyat semua bagi menjamin ketenteraman politik dan perpaduan antara kaum di tanahair kita ini. Kita sekarang mestilah memperkukuhkan lagi kedudukan kita yang kuat ini dan juga kemakmuran rakyatnya. Kemajuan dan kemakmuran Malaysia telah menjadi 'buah mulut' negara-negara lain yang sedang membangun di merata-rata dunia. Adalah menjadi tanggungjawab kita yang maha besar untuk menjamin kejayaan yang telah kita capai sehingga hari ini bukan saja dapat dipertahankan tetapi dilipat kali gandakan pada masa hadapan supaya kita dapat kejayaan yang lebih cemerlang lagi. Hanya dengan memandang ke hadapan baharulah kita boleh bekerja dengan lebih giat dan menyediakan rancangan-rancangan dengan lebih bijak lagi.

Harga getah asli yang masih menjadi bahan utama ekonomi kita telah jatuh dengan tiba-tiba, kurang 50 sen satu paun, hampir-hampir serentak dengan perayaan 10 tahun kemerdekaan kita. Harganya sekarang telah naik sedikit selepas kerajaan sendiri telah membeli getah dan campur tangan dalam pasaran getah untuk meneguhkan harga yang menasabah dan berpatutan. Kerajaan akan terus mencari usaha di dalam negeri dan di peringkat antarabangsa bagi menjamin harga yang berpatutan bagi getah.

Kerajaan sekarang sedar tentang ketidakbijakannya bagi sesebuah negara itu untuk bergantung semata-mata kepada hasil getah dan bijih timah, dan kerana kesedaran inilah kerajaan sekarang sedang mempelbagaikan ekonomi negara ini.

Mempelbagaikan ekonomi negeri ini adalah menjadi dasar utama waktu kita merancang Rancangan Pembangunan Lima Tahun Yang Pertama dan Kedua dan ia juga menjadi teras dalam Rancangan Malaysia Yang Pertama yang sedang berjalan dengan pesat sekarang ini. Tetapi oleh sebab hasil daripada mempelbagaikan ekonomi ini akan mengambil masa sebelum ia memberi kesan yang jelas, maka kerajaan pada hari ini sedang menghadapi kegentingan kewangan kerana kejatuhan harga getah dengan tiba-tiba itu. Adalah diharapkan bahawa kegentingan ini hanyalah buat sementara sahaja dan keadaan ini akan bertambah baik tidak berapa lama lagi. Walaubagaimanapun, wajibliah kerajaan dan pegawai-pegawai serta kakitangan-kakitangan kerajaan di semua peringkat berjimat cermat dalam perbelanjaan jabatan masing-masing dan juga perbelanjaan rumahtangga mereka sendiri.

Sebagaimana tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, perbelanjaan kerajaan yang terbesar sekali ialah gaji kakitangannya. Kerana kerajaan sedang menghadapi kekurangan wang dan keadaan kita tidak semewah seperti waktu harga getah mahal dahulu, saya meminta kerjasama tuan-tuan dan puan-puan sekalian - ahli-ahli Kesatuan Sekerja dalam negeri ini dan ahli-ahli Kesatuan Sekerja dalam Perkhidmatan Awam khususnya masing-masing "mengrestrainkan" tuntutan dan permintaan-permintaan hendaklah sesuai dengan keadaan kewangan negara kita. Pada masa seperti yang kita bersama hadapi inilah wajib wujud kerjasama yang erat di antara kerajaan dengan kakitangannya, bukan sahaja untuk kepentingan kerajaan dan kakitangannya, tetapi lebih lagi untuk kepentingan negara dan rakyat seluruhnya.

Cara bagaimana kita berusaha mengatasi kegentingan kewangan ini akan memperlihatkan bakat, pengertian dan kesanggupan tiap-tiap rakyat yang taat setianya pada masa ini di antara kerajaan dan kakitangannya akan terus kekal dan dapat diperkuatkan lagi.

Saya pun sedar adanya perasaan tidak puas hati di kalangan Kesatuan-kesatuan Sekerja dalam perkhidmatan Awam. Sebahagian besar daripada perasaan tidak puas hati ini telah berbangkit kerana ada beberapa perkara yang tidak dapat diselesaikan dalam Majlis Whitley Kebangsaan sebelum dilantik Suruhanjaya Khas Gaji Suffian bagi kakitangan Kerajaan. Tetapi saya harap perasaan tidak puas hati ini tidak ada lagi dan tidak usah dipanjang-panjangkan lagi. Suruhanjaya Suffian telah mengemukakan laporannya dan laporan itu sedang dikaji dengan telitinya oleh kedua-dua belah pihak - pihak kerajaan dan pihak pekerja-pekerja.

Berkenaan dengan syarat-syarat perkhidmatan bagi guru-guru, iaitu golongan kakitangan yang kedua besarnya yang dibayar gaji dari wang kerajaan, satu Suruhanjaya Gaji Khas telah dibentuk pada awal tahun ini. Saya harap laporannya pun akan siap tidak lama lagi.

Oleh kerana laporan Suffian itu sedang dikaji oleh kedua-dua belah pihak badan perundingan kerajaan dan satu Suruhanjaya lagi sedang mengkaji masalah-masalah berkenaan dengan syarat-syarat perkhidmatan guru-guru, saya tidak

berhajat hendak bercakap panjang di atas masalah gaji dan syarat-syarat pekerjaan bagi pegawai-pegawai kerajaan.

Sebagaimana yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, kerajaan adalah bersungguh-sungguh dan ikhlas dalam membentuk Suruhanjaya-suruhanjaya itu kerana kerajaan sangat berharap yang masalah dalam perkhidmatan awam hendaklah diselesaikan semuanya sekali dengan memberi puas hati kepada semua pihak yang berkenaan. Jika sekiranya masalah-masalah ini hendak diselesaikan sekarang sebagaimana yang diharapkan maka perasaan bersungguh-sungguh dan ikhlas yang sama hendaklah ada di pihak-pihak kerajaan dan semua Kesatuan-kesatuan Sekerja.

Memandang kepada kedudukan, kegentingan kewangan yang dihadapi oleh negara kita sekarang ini dan oleh kerana kedudukan itu telah menjadi lebih buruk lagi disebabkan oleh kejatuhan nilai mata wang paun sterling yang tidak disangka-sangka itu, maka pertimbangan kita ke atas laporan itu hendaklah berdasarkan kepada keadaan kenyataan yang kita hadapi pada masa ini. Dalam usaha ini kita hendaklah sungguh-sungguh ikhlas dengan diri kita sendiri berkenaan dengan masalah-masalah yang kita hadapi dan cara bagaimana masalah-masalah itu sepatutnya diselesaikan. Bagi pihak kerajaan yang bertanggungjawab, kerajaan tak dapat tiada akan mengutamakan kepentingan negara keseluruhannya sebelum membuat apa-apa keputusan atas sebarang masalah yang dihadapinya.

Ada juga satu dua masalah yang telah menyebabkan pertelingkahan kecil antara kerajaan dengan Cuepacs pada masa yang lepas. Yang penting sekali ialah perkara yang berkaitan dengan kedudukan perkhidmatan awam di bawah Undang-undang Perhubungan Perusahaan yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam bulan Jun tahun lalu. Khasnya Persatuan Kakitangan Kerajaan tidak puas hati kerana terpaksa patuh kepada keputusan Mahkamah Perusahaan yang ditubuhkan di bawah undang-undang ini dan juga kerana kebenaran D.Y.M.M. Yang di-Pertuan Agong hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum pertelingkahan dalam perkhidmatan awam dikemukakan kepada Mahkamah itu. Keputusan kerajaan di atas perkara ini telah dibuat selepas menimbang dengan sedalam-dalamnya alasan-alasan yang telah dikemukakan oleh Persatuan-persatuan Kakitangan. Sebab yang utama kerajaan mengambil keputusan muktamad itu ialah supaya hanya satu Mahkamah sahaja dalam negeri ini yang boleh menimbang segala pertelingkahan perusahaan yang terbit dari perhubungan majikan dan kakitangan, sama ada di bahagian awam atau *private*. Inilah yang dikehendaki bukan saja oleh pihak kerajaan, bahkan juga oleh persatuan kakitangannya oleh sebab Mahkamah seperti ini akan mempunyai segala maklumat-maklumat berkaitan dengan pekerjaan umumnya di negeri ini dan juga boleh menimbang segala masalah pekerjaan dari segi kedudukan kewangan negeri ini pada keseluruhannya pada sesuatu masa yang tertentu.

Dalam undang-undang itu perbezaan yang ada di antara perkhidmatan awam dan '*private*' ialah kebenaran kerajaan hendaklah diperolehi terlebih dahulu

dalam perkara pertelingkahan dalam perkhidmatan awam sebelum dikemukakan kepada Mahkamah itu. Tuan-tuan dan puan-puan akan bersetuju bahawa kerajaan sebagai majikan yang terbesar sekali dalam negara ini dengan tanggungjawab membayar gaji kakitangan daripada hasil mahsul negeri ini tidaklah dapat disamakan dengan majikan-majikan *'private'* yang lain. Saya cuba boleh memberi jaminan iaitu selain daripada perkara-perkara yang tertentu, kerajaan tidak berhajat sama sekali menghalang sebarang pertelingkahan dikemukakan ke Mahkamah itu. Oleh kerana perbekalan undang-undang itu belum lagi diduga, saya suka menyeru kepada semua Kesatuan-kesatuan Kakitangan supaya memberi peluang kepada perjalanan undang-undang itu sebelum membuat apa-apa keputusan sama ada undang-undang itu adil atau dapat dijalankan.

Perkhidmatan Awam Malaysia adalah satu perkhidmatan yang mempunyai satu rekod yang gilang gemilang, setanding dengan perkhidmatan-perkhidmatan awam di negara-negara tamadun, di Barat. Semua orang mengiktiraf yang Perkhidmatan Awam kita adalah satu perkhidmatan yang terbaik sekali di dunia sebelah sini. Kenyataan ini tidak boleh dinafikan oleh sesiapa pun. Tetapi satu-satu bangsa itu, satu-satu perkhidmatan, bahkan seseorang manusia itu pun tidak dapat hidup, maju dan mara ke hadapan dengan hanya membanggakan sejarahnya atau *'the pastnya'* sahaja, walaubagaimana cemerlangnya sejarahnya itu sekali pun. Pandangan, penghormatan dan penilaian orang kepada satu-satu perkhidmatan itu bergantung kepada kerja-kerja, kecekapan, kebolehan, bakat dan keamanahan anggota-anggotanya sekarang. Mereka akan menghakimkan *performance* atau pekerjaannya hari ini, bukan sejarahnya. Oleh kerana kita mahu perkhidmatan awam kita mempunyai rekod dan sejarah yang baik berpanjangan maka nama baiknya mestilah diawasi dan dipelihara dengan penuh cemburu. Pada keseluruhannya, pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan kerajaan adalah baik, taat setia dan amanah. Tetapi ada segolongan kecil antara mereka yang tidak begitu amanah dan yang tidak jujur. Perbuatan-perbuatan golongan kecil ini mestilah diawasi dengan teliti, dan pegawai-pegawai yang baik, yang jujur dan ikhlas, lurus dan amanah mestilah berwaspada kepada perbuatan-perbuatan tidak baik golongan ini dan melaporkan perbuatan-perbuatan mereka itu kepada pihak yang bertanggungjawab. Saya harap tuan-tuan dan puan-puan tidak segan menjalankan kewajipan sivik tuan-tuan dan puan-puan, supaya dijauhkan perpatah Melayu: 'Seekor kerbau membawa lumpur, semua terpalif, atau 'Kerana nila setitik, rosak susu sebelangga'.

Saya menyeru kepada semua pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan kerajaan supaya memberi kerjasama kepada Jabatan Pencegah Rasuah di atas usaha-usahanya untuk memelihara nama baik perkhidmatan awam ini. Dengan adanya kerjasama ini, saya berharap dapat kita berhentikan atau kurangkan perbuatan-perbuatan rasuah golongan kecil ini. Jabatan Pencegah Rasuah ini telah pun diperkuatkan dan akan diperkuatkan lagi. Ini adalah mustahak bagi menanamkan keyakinan dan kepercayaan orang ramai kepada jabatan itu sendiri

dan kepada keazaman kerajaan di dalam usahanya hendak membasmi rasuah dalam jabatan-jabatan kerajaan.

Kejayaan usaha-usaha kerajaan ini hanya dapat dijamin dengan kerjasama tuan-tuan dan puan-puan sekalian dan orang-orang ramai. Saya sekali lagi menyeru supaya semua orang-orang yang taat setia membantu kerajaan untuk menjaga nama baik kerajaan dan juga kepercayaan orang ramai kepada perkhidmatan awam kita.

Saya suka menegaskan di sini yang semua pegawai-pegawai kerajaan di semua peringkat, apa lagi pegawai-pegawai tingginya, mempunyai tanggungjawab yang besar bagi melaksanakan dasar-dasar kerajaan dengan rajin, taat setia dan cekap, supaya rakyat dapat menaifaatnya seperti yang dimaksudkan oleh cita-cita dasar itu. Kerjasama yang erat antara kerajaan, kakitangannya dan rakyat sekalian akan menjamin yang Malaysia, negara kita ini, akan bertambah maju dan akan muncul sebagai sebuah negara yang sebenar-benarnya makmur di mana ada keadilan masyarakat, ekonomi dan sebagainya bagi semua rakyatnya yang berbilang bangsa itu. Cabaran di hadapan kita ialah untuk masyarakat yang adil, satu rupa bangsa Malaysia dan satu negara yang kita semua boleh megahkan dan yang anak cucu kita akan megah dan sanggup gugur kerananya. Saya percaya kita semua mempunyai kebolehan dan kesanggupan bagi menghadapi cabaran ini.

Sekarang, saya dengan sukacitanya mengistiharkan Persidangan Kongress Yang ke-9 Cuepacs dibuka dengan rasminya.

Terima kasih.